

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1993/94**

**Oktober - November 1993**

**AMU 302 - PENGIKLANAN**

**Masa : [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Apakah konsep kreatif?

[3 markah]

(b) Apakah yang menjadikan sesuatu ide kreatif?

[4 markah]

(c) Apakah ciri-ciri penyelesaian masalah yang kreatif?

[8 markah]

(d) Terangkan proses pemikiran kreatif.

Bagaimanakah proses ini boleh digunakan untuk merekabentuk mesej dan visual yang kreatif?

[10 markah]

2. (a) Apakah promosi jualan? Apakah matlamat promosi jualan?

[8 markah]

(b) Bagaimanakah promosi jualan dan pengiklanan berbeza? Apakah persamaan mereka? Bilakah mereka patut digunakan bersama?

[9 markah]

(c) Seorang eksekutif agensi telah disebut sebagai berkata, "Pengiklanan sekarang diperjalanan keluar. Pengguna mahukan pembelian promosi jualan adalah tempat yang sepatutnya". Bincangkan.

[8 markah]

...2/-

3. (a) Berikan garislakar kempen periklanan.

[8 markah]

(b) Bagaimanakah keputusan tentang sasaran mempengaruhi perancangan rekabentuk kreatif dan media?

[8 markah]

(c) Berikan garislakar bagaimana anda akan menilai keberkesanan kempen periklanan.

[9 markah]

4. (a) Nilaikan kaedah-kaedah menguji "copy" dan bincangkan kebaikan dan kelemahan mereka.

[20 markah]

(b) Adakah kaedah ujian "copy" itu berbeza jika peruntukan periklanan anda RM1 juta berbanding dengan RM50 juta? Kenapa?

[5 markah]

5. (a) Bincangkan tentang pentingnya periklanan peruncitan.

Apakah perbezaan diantara periklanan peruncitan dan pengiklanan kebangsaan?

[10 markah]

(b) Master Grill, sebuah restoran di USM meminta anda untuk menyediakan suatu plan pengiklanan untuk tempoh 3 bulan berikutnya. Adakah anda akan mencadangkan pengiklanan mereka menfokus pada harga atau imej? Apakah imej? Media apakah yang harus digunakan?

[15 markah]

6. (a) Adakah anda fikir penyelidikan harus mendahului sesuatu kempen pengiklanan? Mengapa? Apakah sumber sekunder yang anda akan cadangkan untuk membentuk suatu analisis situasi bagi kempen pengiklanan yang bermaksud untuk memasarkan pengkhususan pengajian (major) anda?

[10 markah]

(b) Bincang beberapa isu etika yang utama dalam pengiklanan masa kini. Gunakan contoh yang sesuai untuk menerangkan jawapan anda.

[15 markah]

---ooooooo---